

## APLIKASI TAKHRIJ HADITH TERHADAP HADITH MAWDU' TETAPI MASYHUR YANG DISANDARKAN PADA AGAMA: TINJAUAN AWAL TERHADAP LAMAN SESAWANG RASMI MUFTI WILAYAH : IRSYAD AL-HADITH

<sup>1</sup>Syaza Syazwina Binti Abdul Halim & <sup>2</sup>Fadlan Bin Mohd Othman  
Pusat Kelestarian Turath Islami  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Email: [syazasyazwina26@gmail.com](mailto:syazasyazwina26@gmail.com); [fadlan@ukm.edu.my](mailto:fadlan@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Hadith atau dikenali juga sebagai al-Sunnah merupakan sumber hukum dan rujukan yang penting selain al-Quran al-Karim terhadap umat Islam dalam segala aspek kehidupan dan juga sebagai panduan hidup di dunia dan di akhirat. Justeru itu, *takhrij* hadith merupakan salah satu cabang ilmu yang penting dalam pengajian hadith yang bertujuan untuk menentukan keabsahan dan kesahihan sesuatu hadith dari sudut *sanad* dan *matan* hadith. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sejauh mana aplikasi *takhrij* hadith dilakukan terhadap artikel-artikel yang mengandungi Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Disandarkan Pada Agama, yang terdapat dalam bahagian Irsyad al-Hadith, Laman Sesawang Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan iaitu Zulkifli Bin Mohd Al-Bakri. Perkhidmatan Irsyad al-Hadith ini merangkumi 412 artikel berkaitan hadith yang mula diterbitkan sejak dari tahun 2015 sehingga kini. Tinjauan awal mendapati terdapat 62 hadith mawdu' di dalam artikel-artikel ini yang disandarkan pada agama dan juga masyhur dalam kalangan masyarakat Islam khususnya. Secara keseluruhan, kajian yang dilakukan telah menunjukkan sumbangan baru dalam kajian *takhrij* hadith sebagai usaha pemurniaan hadith-hadith Nabi Muhammad S.A.W.

Kata Kunci: *Takhrij* hadith, laman sesawang, hadith mawdu', masyhur.

### I. Pendahuluan

Hadith ialah sumber kedua rujukan dalam Islam selepas al-Quran al-Karim, yang boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu hadith maqbul yang bermaksud hadith yang diterima dan hadith mardud yang bermaksud hadith yang ditolak. Di bawah kategori hadith maqbul ini terdapat dua jenis hadith iaitu hadith sahih dan hadith hasan. Manakala di bawah hadith mardud pula terdapat hadith dhaif iaitu hadith lemah, dan hadith dhaif yang paling teruk ialah hadith mawdu' yang membawa maksud hadith palsu. (Abdul Razak 2011) Hadith mawdu' dari sudut istilah ialah hadith yang direka, dicipta kemudian disandarkan ke atas nabi secara sengaja atau salah (Faisal Ahmad Shah 2017) atau dalam istilah yang lebih mudah ialah segala apa yang disandarkan kepada nabi yang nabi tidak pernah ucap, buat, atau akui samaada secara sengaja atau tidak sengaja. Penyebaran hadith mawdu' telah bermula sejak zaman dahulu lagi dan sehingga kini masih lagi terdapat penyebaran hadith-hadith mawdu' tidak kiralah di media cetak, dan media sosial. Lebih parah lagi apabila hadith mawdu' ini turut dipetik oleh segelintir penceramah agama sekaligus menyaksikan masyarakat terutamanya yang cetek ilmu agama menerimanya dan menjadikan panduan serta amalan hidup. Senario itu bukan sahaja boleh mengundang kesesatan malah menjadi penyumbang kepada pembentukan masyarakat Islam ekstrem. (Utusan Online 2018) Memetik kajian literatur Fadlan Othman (2016), mengenai hadith mawdu', antara kesan penyebaran hadith mawdu' terhadap umat Islam khususnya ialah merosakkan aqidah, amalan syariah, akhlak dan pendirian umat Islam serta mengabaikan hadith sahih. Selain itu, salah satu kesan buruk hadith mawdu' boleh menjuruskan kepada perpecahan umat. (Faisal Ahmad Shah 2018) Oleh itu, amatlah penting ilmu *takhrij* hadith ini dalam menangani masalah penyebaran hadith mawdu' secara berleluasa.

*Takhrij* hadith merupakan antara salah satu cabang ilmu yang penting dalam pengajian hadith, dan ia merupakan kaedah untuk mengenal pasti kesahihan sesuatu hadith dengan melakukan penelitian dari sudut *sanad* dan *matan* hadith tersebut. Selain itu, *takhrij* hadith juga mampu menjamin keabsahan dan kesahihan hadith di samping memelihara kesahan sesuatu penulisan ilmiah. (Fadlan Othman 2012). Walaubagaimanapun, terdapat juga ilmuan-ilmuan Islam yang telah menghasilkan karya demi membanteras penyebaran hadith mawdu' masyhur ini antaranya ialah 40 Hadis Palsu Popular oleh Abdul Razak Muthalib dan 40 Kisah Palsu Tetapi Masyhur Yang Disandarkan Pada Agama oleh Mustafar Bin Mohd Suki. Selain itu, terdapat juga usaha lain yang dilakukan ilmuan Islam seperti Zulkifli Mohd Al-Bakri iaitu mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan menyediakan perkhidmatan Irsyad al-Hadith di laman sesawang rasmi beliau di mana beliau seringkali menjawab persoalan-persoalan berkaitan hadith yang diajukan daripada pengguna media sosial. Ini juga merupakan salah satu cara untuk membanteras penggunaan dan penyebaran hadith mawdu' dalam media digital.

## II. Pernyataan Masalah

Hadith ialah sumber kedua rujukan dalam Islam selepas al-Quran al-Karim, yang boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu hadith maqbul yang bermaksud hadith yang diterima dan hadith mardud yang bermaksud hadith yang ditolak. Di bawah kategori hadith maqbul ini terdapat dua jenis hadith iaitu hadith sahih dan hadith hasan. Manakala di bawah hadith mardud pula terdapat hadith dhaif iaitu hadith lemah, dan hadith dhaif yang paling teruk ialah hadith mawdu' yang membawa maksud hadith palsu. (Abdul Razak 2011) Hadith mawdu' dari sudut istilah ialah hadith yang direka, dicipta kemudian disandarkan ke atas nabi secara sengaja atau salah (Faisal Ahmad Shah 2017) atau dalam istilah yang lebih mudah ialah segala apa yang disandarkan kepada nabi yang nabi tidak pernah ucap, buat, atau akui samaada secara sengaja atau tidak sengaja. Penyebaran hadith mawdu' telah bermula sejak zaman dahulu lagi dan sehingga kini masih lagi terdapat penyebaran hadith-hadith mawdu' tidak kiralah di media cetak, dan media sosial. Lebih parah lagi apabila hadith mawdu' ini turut dipetik oleh segelintir penceramah agama sekaligus menyaksikan masyarakat terutamanya yang cetek ilmu agama menerimanya dan menjadikan panduan serta amalan hidup. Senario itu bukan sahaja boleh mengundang kesesatan malah menjadi penyumbang kepada pembentukan masyarakat Islam ekstrem. (Utusan Online 2018)

Memetik kajian literatur Fadlan Othman (2016), mengenai hadith mawdu', antara kesan penyebaran hadith mawdu' terhadap umat Islam khususnya ialah merosakkan aqidah, amalan syariah, akhlak dan pendirian umat Islam serta mengabaikan hadith sahih. Selain itu, salah satu kesan buruk hadith mawdu' boleh menjuruskan kepada perpecahan umat. (Faisal Ahmad Shah 2018) Oleh itu, amatlah penting ilmu *takhrij* hadith ini dalam menangani masalah penyebaran hadith mawdu' secara berleluasa. *Takhrij* hadith merupakan antara salah satu cabang ilmu yang penting dalam pengajian hadith, dan ia merupakan kaedah untuk mengenal pasti kesahihan sesuatu hadith dengan melakukan penelitian dari sudut *sanad* dan *matan* hadith tersebut. Selain itu, *takhrij* hadith juga mampu menjamin keabsahan dan kesahihan hadith di samping memelihara kesahan sesuatu penulisan ilmiah. (Fadlan Othman 2012)

Walaubagaimanapun, terdapat juga ilmuan-ilmuan Islam yang telah menghasilkan karya demi membanteras penyebaran hadith mawdu' masyhur ini antaranya ialah 40 Hadis Palsu Popular oleh Abdul Razak Muthalib dan 40 Kisah Palsu Tetapi Masyhur Yang Disandarkan Pada Agama oleh Mustafar Bin Mohd Suki. Selain itu, terdapat juga usaha lain yang dilakukan ilmuan Islam seperti Zulkifli Mohd Al-Bakri iaitu mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan menyediakan perkhidmatan Irsyad al-Hadith di laman sesawang rasmi beliau di mana beliau seringkali menjawab persoalan-persoalan berkaitan hadith yang diajukan daripada pengguna media sosial. Ini juga merupakan salah satu cara untuk membanteras penggunaan dan penyebaran hadith mawdu' dalam media digital. Umat Islam khususnya sering memandang enteng tentang ilmu *takhrij* hadith dan beranggapan bahawa ia tidaklah penting dalam kehidupan seorang muslim. Sedangkan, ilmu *takhrij* hadith menjadi satu keperluan untuk dipelajari dan diketahui umat Islam bagi menilai kesahihan dan sumber hadith Nabi Muhammad s.a.w. Hadith-hadith palsu ataupun mawdu' ini amat bahaya kepada umat Islam kerana ia umpama memberi peluang terbuka kepada kesesatan dan syirik kepada Allah. Apatah lagi hadith-hadith palsu yang berhubung dengan akidah dan usuluddin. (Utusan Online 2009)

Oleh itu, pendedahan ilmu hadith yang sahih kepada umat Islam khususnya, adalah amat penting bagi menjaga agama Islam terutamanya, kerana ia juga merupakan sumber kedua ajaran Islam. Dengan adanya ilmu *takhrij*, kemuliaan dan kesucian al-sunnah atau hadith Nabi SAW akan dapat dipelihara daripada dicemari hadith dhaif dan palsu (Sinar Online 2015). Antara punca umat Islam yang menjadi permasalahan dalam kajian ialah : Kurangnya kesedaran dan pendedahan tentang ilmu *takhrij* hadith dalam umat Islam terutamanya dalam mengenal pasti martabat hadith tersebut samaada maqbul ataupun mardud, kurangnya penglibatan umat Islam dalam usaha memurnikan hadith Nabi Muhammad s.a.w. Dan Penyebaran dan penggunaan hadith mawdu' tetapi masyhur yang semakin berleluasa dalam kalangan umat Islam. Justeru itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang disandarkan pada agama dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan di bahagian Irsyad al-Hadith bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2019 serta sejauh mana aplikasi *takhrij* hadith telah dilakukan terhadap hadith-hadith mawdu' tersebut.

## III. Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang terlibat adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian analisis dokumen dalam pengumpulan data. Pengumpulan data dilakukan adalah dengan mendapatkan hadith-hadith mawdu' tetapi masyhur dari laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan iaitu. Zulkifli Mohd Al-Bakri di bahagian Irsyad al-Hadith yang bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2019. Dapatan data ini diperolehi dengan menganalisis laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan secara atas talian. Selain itu, reka bentuk kajian analisis dokumen turut terlibat dalam kajian ini, dengan berpandukan artikel, jurnal dan tesis.

#### IV. Hasil Kajian

Jadual 4.1 berikut menunjukkan hasil kajian awal mengenai jumlah bilangan serta peratusan hadith mawdu' tetapi masyhur bermula tahun 2016 sehingga tahun 2019, yang terdapat dalam bahagian Irsyad al-Hadith, laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan.

Tahun	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur	Peratus
2016	23	37.10%
2017	10	16.13%
2018	11	17.74%
2019	18	29.03%

Pada tahun 2016, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang disandarkan pada agama dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad al-Hadith adalah sebanyak 23 hadith dengan peratusan 37.10% yang juga merupakan peratusan serta jumlah tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Pada tahun 2017, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 10 hadith dengan peratusan 16.13% dan merupakan peratusan serta jumlah terendah berbanding tahun-tahun lain. Pada tahun 2018 pula, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 11 hadith dengan peratusan 17.74% dan merupakan peratusan serta jumlah ketiga tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Akhir sekali, pada tahun 2019, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 18 hadith dengan peratusan 29.03% dan merupakan peratusan serta jumlah kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Kajian yang telah dilakukan merangkumi beberapa bahagian penting dalam bidang tahrir hadith. Bahagian pertama ialah menyatakan sumber rujukan hadith. Bahagian kedua dan ketiga ialah menyatakan *sanad* hadith dan juga menyatakan lafaz Arab bagi hadith-hadith yang dinyatakan. Bahagian keempat iaitu bahagian terakhir ialah menyatakan status hadith-hadith tersebut (Sahih atau Da'if atau Mawdu'). Berikut adalah jadual-jadual yang menjelaskan setiap bahagian yang berkaitan dalam kajian.

##### A. Jadual Pertama : Menyatakan Sumber Rujukan Hadith

Tahun	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Menyatakan Sumber Rujukan Hadith	Peratus	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Tidak Menyatakan Sumber Rujukan Hadith	Peratus	Jumlah
2016	19	82.60%	4	17.40%	23
2017	10	100%	-	0%	10
2018	11	100%	-	0%	11
2019	11	61.11%	7	38.89%	18
					62

Jadual Pertama menunjukkan jumlah serta peratusan bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sumber rujukan hadith dan juga yang tidak menyatakan sumber rujukan hadith pada tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan, dalam bahagian Irsyad al-Hadith. Pada tahun 2016, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sumber rujukan hadith adalah sebanyak 19 hadith dengan peratusan 82.60% yang merupakan peratusan serta jumlah yang tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Manakala, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sumber rujukan hadith adalah sebanyak 4 hadith dengan peratusan 17.40% dan merupakan peratusan serta jumlah kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Pada tahun 2017, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sumber rujukan hadith adalah sebanyak 10 hadith dengan

peratusan 100%. Ini bermakna tiada hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sumber rujukan hadith iaitu dengan peratusan 0%.

Pada tahun 2018 pula, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sumber rujukan hadith adalah sebanyak 11 hadith dengan peratusan 100%. Ini juga bermakna tiada hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sumber rujukan hadith iaitu dengan peratusan 0%. Akhir sekali, pada tahun 2019, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sumber rujukan hadith adalah sebanyak 11 hadith dengan peratusan 61.11% dan merupakan peratusan serta jumlah kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Manakala jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sumber rujukan hadith adalah sebanyak 7 hadith dengan peratusan 38.89% yang merupakan peratusan serta jumlah yang tertinggi berbanding tahun-tahun lain.

#### B. Jadual Kedua : Menyatakan Sanad Hadith

Tahun	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Menyatakan Sanad Hadith	Peratus	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Tidak Menyatakan Sanad Hadith	Peratus	Jumlah
2016	10	43.48%	13	56.52%	23
2017	5	50%	5	50%	10
2018	6	54.55%	5	45.45%	11
2019	3	16.67%	15	83.33%	18
					62

Jadual kedua menunjukkan jumlah serta peratusan bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sanad hadith samaada sanad hadith secara terperinci atau secara ringkas. Jadual 3 juga menunjukkan jumlah dan peratusan bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sanad hadith pada tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan, dalam bahagian Irsyad al-Hadith. Pada tahun 2016, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sanad hadith adalah sebanyak 10 hadith dengan peratusan 43.48% , yang merupakan peratusan serta jumlah ketiga tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Manakala jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sanad hadith sebanyak 13 hadith dengan peratusan 56.52% yang merupakan peratusan serta jumlah kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Pada tahun 2017, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sanad hadith adalah sebanyak 5 hadith dengan peratusan 50%, yang merupakan peratusan serta jumlah kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Manakala jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sanad hadith adalah sebanyak 5 hadith dengan peratusan 50% iaitu sama rata bagi kedua-dua kategori dan merupakan peratusan serta jumlah ketiga tertinggi berbanding tahun-tahun lain.

Pada tahun 2018 pula, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sanad hadith adalah sebanyak 6 hadith dengan peratusan 54.55%, yang merupakan peratusan serta jumlah yang tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Manakala jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sanad hadith adalah sebanyak 5 hadith dengan peratusan 45.45% yang merupakan peratusan serta jumlah terendah berbanding tahun-tahun lain. Akhir sekali, pada tahun 2019, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan sanad hadith adalah sebanyak 3 hadith dengan peratusan 16.67%, iaitu peratusan serta jumlah yang terendah berbanding tahun-tahun lain. Manakala jumlah hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan sanad hadith adalah sebanyak 15 hadith dengan peratusan 83.33% yang merupakan peratusan serta jumlah tertinggi berbanding tahun-tahun lain.

### C. Jadual Ketiga : Menyatakan Lafaz Arab Hadith

Tahun	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Menyatakan Lafaz Arab Hadith	Peratus	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Tidak Menyatakan Lafaz Arab Hadith	Peratus	Jumlah
2016	19	82.60%	4	17.40%	23
2017	10	100%	-	0%	10
2018	11	100%	-	0%	11
2019	11	61.11%	7	38.89%	18
					62

Jadual Ketiga menunjukkan jumlah serta peratusan bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan lafaz Arab hadith dan juga yang tidak menyatakan lafaz Arab hadith bagi hadith-hadith yang dinyatakan bermula tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019, dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan, dalam bahagian Irsyad al-Hadith.

Pada tahun 2016, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan lafaz Arab hadith adalah sebanyak 19 hadith dengan peratusan 82.60% yang merupakan peratusan serta jumlah kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Manakala, jumlah bilangan hadith mawdu' yang tidak menyatakan lafaz Arab hadith adalah sebanyak 4 hadith dengan peratusan 17.40% dan merupakan peratusan serta jumlah kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain.

Pada tahun 2017, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan lafaz Arab hadith adalah sebanyak 10 hadith dengan peratusan 100%. Ini bermakna tiada hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan lafaz Arab hadith dengan peratusan 0%.

Pada tahun 2018, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan lafaz Arab hadith adalah sebanyak 11 hadith dengan peratusan 100%. Ini juga bermakna tiada hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan lafaz Arab hadith dengan peratusan 0% sama seperti tahun 2017 yang juga merupakan peratusan serta jumlah tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Akhir sekali, pada tahun 2019, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan lafaz Arab hadith bagi hadith-hadith yang dinyatakan adalah sebanyak 11 hadith dengan peratusan 61.11% yang merupakan peratusan serta jumlah terendah berbanding tahun-tahun lain. Manakala jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan lafaz Arab adalah sebanyak 7 hadith dengan peratusan 38.89% yang merupakan peratusan serta jumlah tertinggi berbanding tahun-tahun lain.

### Bahagian Keempat : Menyatakan Status Hadith

Tahun	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Menyatakan Status Hadith	Peratus	Bilangan Hadith Mawdu' Tetapi Masyhur Yang Tidak Menyatakan Status Hadith	Peratus	Jumlah
2016	21	91.30%	2	8.70%	23
2017	10	100%	-	0%	10
2018	11	100%	-	0%	11
2019	18	100%	-	0%	18
					62

Jadual 5

Jadual 5 menunjukkan jumlah serta peratusan bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan status bagi hadith-hadith yang terlibat, dan juga yang tidak menyatakan lafaz status samaada (Sahih atau Da'if atau Mawdu') bermula tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019, dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah.

Pada tahun 2016, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan status hadith adalah sebanyak 21 hadith dengan peratusan 91.30% dan merupakan peratusan serta jumlah bilangan kedua tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Manakala, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan status hadith adalah sebanyak 2 hadith dengan peratusan 8.70% yang merupakan peratusan dan jumlah tertinggi berbanding tahun-tahun lain. Pada tahun 2017, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan status hadith adalah sebanyak 10 hadith dengan peratusan 100%. Ini bermakna tiada hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan status hadith iaitu dengan peratusan 0%.

Pada tahun 2018 pula, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan status hadith adalah sebanyak 11 hadith dengan peratusan 100%. Ini bermakna tiada hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan status hadith iaitu dengan peratusan 0%. Akhir sekali, pada tahun 2019, jumlah bilangan hadith mawdu' tetapi masyhur yang menyatakan status hadith adalah sebanyak 18 hadith dengan peratusan 100%. Ini bermakna tiada hadith mawdu' tetapi masyhur yang tidak menyatakan status hadith iaitu dengan peratusan 0% , sama seperti pada tahun 2017 dan 2018 yang juga merupakan peratusan serta jumlah tertinggi berbanding tahun-tahun lain.

## V. Kesimpulan

Secara keseluruhan, laman sesawang mufti Wilayah Persekutuan ini merupakan salah satu sumbangan besar yang memberi manfaat kepada umat Islam khususnya dalam mengupas hal-hal berkaitan agama seperti hadith, fatwa, usul fiqh dan sebagainya. Kepelbagaian skop yang dikupas ini menunjukkan keluasan ilmu Zulkifli Al-Bakri dalam hal ehwal agama seterusnya menjadi antara rujukan utama di media digital pada masa kini kerana mudah didapati dengan hanya sentuhan di hujung jari pengguna. Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa aplikasi ilmu *takhrij* hadith ini belum lagi terlaksana secara sempurna dalam laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan ini. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya aplikasi ilmu *takhrij hadith* ditekankan dengan lebih mendalam lagi agar pengguna yang menjadikan laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan ini tidak lagi mengalami sebarang kekeliruan atau pertikaian. Ini juga adalah salah satu usaha supaya status sesebuah hadith diketahui dengan lebih mendalam dan masyarakat serta pengguna tidak lagi berpegang dengan hadith yang tidak jelas kesahihannya. Justeru itu, pengkaji mencadangkan program ataupun bengkel berkaitan ilmu *mustalah al-hadith* dan ilmu *takhrij* hadith dijadikan program berkala di pusat-pusat pengajian agama seperti masjid dan surau demi memperkasakan hadith sebagai sumber hukum dan rujukan dalam Islam.

## Rujukan

1. Abdul Razak Muthalib. 2011. *40 Hadis Palsu Popular*. Selangor.
2. Ashriq Fahmy Ahmad, Zulhilmi Zainal. 2018. *Bahana Hadis Palsu*. <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahana-hadis-palsu-1.633814>. Kuala Lumpur.
3. Fadlan Mohd Othman, Mohd Fadhil Mohd Fauzi. 2013. *Aplikasi Ilmu Takhrij Dalam Kitab Tafsir Melayu: Tinjauan Awal Terhadap Surah Al-Baqarah, Kitab Tafsir Nur Al-Ihsan Oleh Al-Shaykh Muhammad Said Bin Umar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Fadlan Mohd Othman, Mohd Arif Nazri, Latifah Abdul Majid, Mazlan Ibrahim, Ahmad Munawwar Ismail, Mohd Arif Nazri, Haziyah Hussin, Sabri Mohamad, Nur Farhah Zainan Nazri, Hazman Hassan. 2012. *Aplikasi Takhrij Hadith Pasca Siswazah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Fadlan Mohd Othman, Mohd Fadhil Mohd Faudzi, Awira Abdul Aziz, Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2013. *Aplikasi Takhrij Hadith Dalam Penulisan Ilmiah: Penyelesaian Di Institusi Pengajian Tinggi, Institusi Agama Dan Media Cetak Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Fadlan Mohd Othman. 2013. *Hadith Maudhu': Punca, Kesan Dan Penyelesaian*. <http://fadlan-mohd-othman.blogspot.com/2013/06/perkongsiantentan-hadith-palsu.html>. Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Faisal Ahmad Shah. 2016. *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Universiti Malaya.
8. Faisal Ahmad Shah. 2017. *Hadis Daif Dan Palsu Realiti Pemakaiannya Di Malaysia*. Universiti Malaya.
9. Jamielatun Nur Raihan Jamani, Fadlan Mohd Othman. 2017. *Kajian Takhrij Hadith Pascasiswazah Di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
10. Mustafar Mohd Suki. 2015. *40 Kisah Palsu Tetapi Masyhur Yang Disandarkan Pada Agama*. Selangor.
11. Muhamad Asyraf Che Omar. 2015. *Pentingnya Takhrij Dalam Penulisan Guna Hadis*. <http://www.sinarharian.com.my/sinar-islam/pentingnya-takhrij-dalam-penulisan-guna-hadis-1.435969>. Kuala Lumpur.
12. Siti Aniza Kamsari. 2009. *Kepentingan Takhrij Hadis*. [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0310&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_02.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0310&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm). Kuala Lumpur.
13. Zulkifli Mohd Al-Bakri. 2015. <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith>. Kuala Lumpur.

